

## Teks Ucapan

Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sabah

PROGRAM MAJLIS GRADUASI SME@UMS 2017

13 Disember 2017 (Rabu) | 8.30 pagi  
Galeri Majlis, Bangunan Canselori

Terima kasih Saudari Pengerusi Majlis.

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Sehati  
Sejiwa*

**Salutasi (mohon urusetia selaraskan)**

**Y.Brs. Prof. Madya Dr. Raman B Noordin**

Dekan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS

Tetamu-tetamu Jemputan khas dari SME Corp/Pembangunan Sumber Manusia Berhad/**YUM/Alumni**

Wakil-wakil SME@University

Para Pensyarah serta

Para peserta Program SME@2017 yang diraikan,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama pada hari yang amat bermakna kepada semua peserta sempena Majlis Graduasi Program SME@UMS 2017 kali ke-3. Pertamanya, ingin saya ucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya hadir ke majlis ini.

Ucapan penghargaan juga kepada SME Corp. dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad atau PSMB yang telah memilih UMS sebagai salah sebuah universiti dalam melaksanakan program SME@University. Bagi pihak UMS, saya mengalukan kehadiran wakil PSMB dan SME Corp. yang sudi untuk menghadiri majlis ini.

**Hadirlin hadirat yang dihormati sekalian,**

Berdasarkan laporan tahunan Perusahaan Kecil dan Sederhana atau PKS 2015/2016, KDNK PKS berkembang dengan kadar sederhana sebanyak 6.1% pada tahun 2015 berbanding pertumbuhan asas sebanyak 7.9% yang dicatatkan pada tahun 2014. Namun, pertumbuhan ini adalah lebih tinggi daripada KDNK keseluruhan negara iaitu sebanyak 5.0%. Sepertimana yang kita sedia maklum, PKS memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara.

PKS menyumbang kira-kira 36 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia dan menyediakan 65 peratus daripada peluang pekerjaan negara. Sehubungan itu, sumbangan PKS dalam pertumbuhan ekonomi negara adalah amat signifikan. Berdasarkan kepentingan tersebut, pelbagai usaha telah dilakukan bagi meningkatkan prestasi perniagaan PKS di Malaysia. Sejajar dengan usaha tersebut, peningkatan kualiti dan ilmu pengetahuan modal insan dalam kalangan Ketua Pegawai Eksekutif atau CEO, PKS perlu dipertingkatkan.

Untuk itu, pelaksanaan program SME@University adalah amat bertepatan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan modal insan dan melahirkan CEO PKS bertaraf global. Saya difahamkan bahawa pelaksanaan program SME@University ini adalah pembelajaran berstruktur untuk Ketua Pegawai Eksekutif PKS berdasarkan model dari University of Tokyo, Jepun.

Program ini bertujuan untuk membantu membangunkan modal insan yang kreatif dan inovatif dalam pengurusan perniagaan demi membangunkan pertumbuhan perniagaan dalam kalangan usahawan baharu dan sedia ada. Pendekatan pelaksanaan program ini adalah bersifat *hands-on* bagi memastikan usahawan mendapat ilmu pengetahuan yang terkini di pasaran.

Kita sedia maklum bahawa modal insan merupakan pendorong utama dalam setiap perniagaan, justeru pelaksanaan program SME@University ini memberi tumpuan dalam usaha meningkatkan CEO PKS berpengetahuan dan berkemahiran khususnya di Sabah. Umum mengetahui bahawa masih ramai CEO PKS berdepan dengan masalah kurang pengalaman dan berkemahiran dalam bidang keusahawanan.

Maka dengan itu, peningkatan ilmu pengetahuan dalam dunia keusahawanan tidak boleh diabaikan kerana perubahan persekitaran pasaran dan persaingan akan menjadi penghalang utama usahawan beraksi dalam pasaran global. Bagi mencapai matlamat ini, peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan perniagaan adalah perlu bagi membolehkan PKS memainkan peranan utama dalam merangsang pertumbuhan ekonomi untuk lebih berdaya saing dengan menambah baik dan membangunkan produk mereka.

Oleh itu, pelaksanaan program SME @ UMS 2017 ini adalah sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk menerajui negara ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi di bawah Pelan Induk PKS (2012-2020) yang diperkenalkan pada bulan Julai 2012 yang bertujuan membawa PKS ke tahap yang lebih tinggi dengan meningkatkan sumbangannya kepada KDNK kepada 41% menjelang tahun 2020.

**Hadirlin Hadirat yang dihormati sekalian,**

Pada hari ini, gelombang Revolusi Perindustrian Keempat sedang melanda pasaran dunia. Pasaran maya akan dikongsi bersama oleh semua pihak yang terlibat dalam apa jua bidang perindustrian. Revolusi Perindustrian Keempat akan menyaksikan Internet of Things (IoT) membaik pulih bukan sahaja usaha niaga tetapi hampir semua aspek kehidupan seharian masyarakat. Revolusi Industri Keempat ini ditandai dengan kemunculan superkomputer, robot pintar, kenderaan tanpa pengemudi,

suntingan genetik dan perkembangan neuroteknologi yang memungkinkan manusia untuk lebih mengoptimalkan fungsi otak. Pelaksanaan Revolusi Perindustrian Keempat akan berdasarkan kepada sembilan tonggak utama iaitu: robot automasi, simulasi, integrasi sistem, IoT, keselamatan siber, pengkomputeran awan, pembuatan bahan tambahan, realiti diperkuuhkan, analisis data besar, serta integrasi sistem menegak dan melintang.

Sehubungan dengan perkembangan tersebut, CEO PKS khususnya di Sabah sewajarnya mengambil langkah yang proaktif bagi menghadapi arus gelombang Revolusi Perindustrian Keempat ini.

Kerajaan negeri Sabah juga telah menggubal dan melancarkan pelan tindakan negeri Sabah yang dikenali sebagai Sabah.LEAP. Pelan Tindakan Strategik Jangka Panjang Sabah (Sabah.LEAP), 2016-2035 yang meliputi tempoh empat (4) Rancangan, 5 Tahun yang bertujuan untuk menyediakan roadmap dan visi rancangan pembangunan jangka panjang negeri Sabah. Visi Sabah.LEAP pada tahun 2035 adalah bagi memastikan semua rakyat Sabah akan menjalani kehidupan yang produktif dan bermakna dalam keadaan yang harmoni dengan alam semula jadi,

memulihara alam semula jadi untuk generasi akan datang dan disokong oleh ekonomi yang cergas dan mampan.

Peranan yang bakal dimainkan oleh CEO PKS khususnya di Sabah amat jelas dan luas. Pelan pembangunan jangka panjang ini tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya pemain industri khususnya CEO PKS tidak peka kepada perubahan dan permintaan pasaran semasa.

Sehubungan itu, saya menyeru kesemua peserta program SME@UMS 2017 yang bergraduasi pada hari ini dapat memanfaatkan peluang dan ruang yang terbuka luas ini untuk menjadi pemacu kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara khususnya negeri Sabah.

**Hadirlin yang dihormati sekalian,**

Saya mengharapkan semua peserta program SME@UMS 2017 yang akan bergraduat pada hari ini akan memanfaatkan ilmu pengetahuan yang dipelajari dan meningkatkan prestasi perniagaan masing-masing dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Saya juga berharap agar jalinan hubungan antara UMS dengan SME Corp, PSMB dan para CEO program ini dapat diteruskan pada masa depan bagi mencapai wawasan kerajaan untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

Syabas dan tahniah kepada kesemua peserta program SME@UMS 2017. Ucapan penghargaan sekali kepada pihak SME Corp. dan PSMB atas kepercayaan yang diberikan kepada UMS khususnya Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan dalam menjayakan program SME@UMS 2017.

Sekian, terima kasih.